



Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 7(42)
Tarikh : 23 Jamadilakhir 1445H
: 5 Januari 2024M

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri,
Jabatan Kehakiman Syariah/ Mahkamah Syariah Negeri-Negeri

ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 2023

HAD MASA PENDAFTARAN DAN SEBUTAN KES JENAYAH SYARIAH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia pada 30 Rabiulakhir 1445H - 2 Jamadilawal 1445H bersamaan 14hb – 16hb November 2023M di Hotel Dorsett, Wilayah Persekutuan Labuan yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan Had Masa Pendaftaran dan Sebutan Kes Jenayah Syariah di mahkamah sepertimana yang berikut:

1. Semua permohonan pendaftaran kes jenayah syariah hendaklah diterima dan didaftarkan pada hari yang sama setelah semua prosedur dipatuhi; dan
2. Tarikh sebutan hendaklah ditetapkan dalam tempoh 21 hari setelah pendaftaran dibuat.

Arahan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta-merta.



(DATO' HAJI MOHD AMRAN BIN MAT ZAIN)
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA